



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**STRUKTUR FI LESEN BIOBAHAN API DIKEKALKAN BAGI MENYOKONG DAYA
SAING INDUSTRI**

Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) telah memutuskan untuk tidak menaikkan struktur fi lesen biobahan api bagi aktiviti yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Pelesenan) 2008 [P.U.(A)404].

Perkara ini diumumkan oleh Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad ketika mengadakan pertemuan dengan Persatuan Biodiesel Malaysia (MBA) dalam satu majlis baru-baru ini.

“Keputusan mengekalkan struktur fi ini dimuktamadkan setelah pihak Kementerian meneliti dan memperhalusi cadangan balas serta maklum balas terperinci yang telah dikemukakan oleh wakil-wakil industri, khususnya daripada Persatuan Biodiesel Malaysia (MBA).

“Kerajaan sentiasa mengambil maklum dan amat memahami keluhan yang disuarakan oleh pihak industri, terutamanya berhubung cabaran bebanan kos operasi masa kini serta pelbagai caj pelesenan sedia ada.

“Pihak Kementerian amat menghargai kerjasama erat serta maklum balas berterusan yang diberikan oleh penggiat industri,” katanya.

Keputusan untuk mengekalkan kadar fi ini jelas mencerminkan keprihatinan dan komitmen teguh Kerajaan dalam memastikan kelangsungan operasi perniagaan, di samping memelihara dan memperkasakan daya saing industri biodiesel negara di pasaran.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

2 APRIL 2026

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my